



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

KENYATAAN MEDIA

CRESS TINGKATKAN AKSES BEKALAN ELEKTRIK HIJAU BAGI SYARIKAT KORPORAT DI MALAYSIA


PUTRAJAYA, 26 JULAI 2024 – Kerajaan akan memperkenalkan **Program Pembekalan Elektrik Tenaga Boleh Baharu Korporat atau *Corporate Renewable Energy Supply Scheme (CRESS)*** mulai September 2024 bagi meningkatkan akses syarikat korporat kepada bekalan elektrik hijau. Melalui konsep akses grid terbuka (open grid access), pihak ketiga (third party access-TPA) boleh membekal (menjual) atau mendapat (membeli) bekalan elektrik melalui sistem rangkaian grid dengan caj akses sistem yang ditetapkan.

Pengenalan program CRESS ini adalah sebahagian daripada usaha Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) di bawah **Inisiatif GREENS MADANI** atau *Government Renewable Energy Enhancement for Niche Sector* bertujuan untuk menyokong hasrat peralihan tenaga sektor berkeutamaan tinggi.

Syarikat korporat di Malaysia perlu diberi pilihan untuk mengurangkan jejak karbon melalui bekalan elektrik hijau. Buat masa ini syarikat boleh memenuhi komitmen elektrik hijau dengan memasang sistem solar fotovoltaik (PV) melalui Program Net Energy Metering (NEM) dan Self Consumption (SelCo), membeli sijil Tenaga Boleh Baharu (TBB) melalui Malaysia Green Attributes Trading System (mGATS), atau melanggan Tarif Elektrik Hijau (GET). Pada 31 Ogos 2022, Kerajaan juga telah memperkenalkan Program Tenaga Hijau Korporat (CGPP) untuk membantu syarikat mencapai komitmen ESG melalui pembelian elektrik hijau secara maya.

Di bawah program CRESS, penjana TBB dan syarikat korporat yang layak boleh membuat aturan bekalan elektrik hijau dengan terma yang dipersetujui melalui sistem bekalan sedia ada. Syarikat korporat boleh mendapatkan elektrik TBB secara langsung daripada penjana TBB TPA yang dikenal pasti. Penjana TBB TPA juga boleh membekalkan elektrik TBB kepada pengguna korporat melalui rangkaian grid TNB dengan menyertai pasaran NEDA. Perincian kerangka pelaksanaan CRESS ditunjukkan di **Rajah 1**.

Rajah 1 : Kerangka Pelaksanaan Akses Grid Terbuka Melalui Corporate Renewable Energy Supply Scheme (CRESS)



Pelaksanaan CRESS ini akan dikawal selia oleh Suruhanjaya Tenaga melalui Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447). Manakala, *Single Buyer* (SB) dan *Grid System Operator* (GSO) akan berperanan sebagai pengendali pasaran dan sistem. Kedua-dua entiti ini akan mengendalikan aspek penyelarasan “*access and dispatch*” dalam sistem bekalan elektrik berdasarkan ketetapan regulatori yang dipersetujui Kerajaan. TNB pula akan terus memainkan peranan sebagai pembekal elektrik utiliti yang akan menyalurkan bekalan elektrik yang telah

dijana dan diperlukan kepada pengguna secara konsisten di dalam dan di luar tempoh waktu pembekalan elektrik hijau.

Beberapa siri penerangan berkaitan prosedur dan garis panduan kepada pemain industri akan diadakan oleh Suruhanjaya Tenaga. Antara syarat-syarat umum penyertaan CRESS adalah seperti berikut:

- a. dibuka kepada penjana TBB baharu untuk pelbagai sumber TBB yang disambung ke peringkat voltan tinggi (HV) dan pengguna baharu atau pengguna sedia ada TNB dari kategori komersial dan industri peringkat voltan sederhana dan tinggi dengan permintaan bekalan elektrik tambahan atau baharu;
- b. penyambungan antara penjana TBB dan pengguna hijau perlu dilakukan secara penyambungan langsung (*direct connection*) melalui sistem rangkaian grid bagi memastikan perancangan bekalan elektrik yang menyeluruh;
- c. had penyambungan kepada sistem grid bekalan elektrik adalah berdasarkan dapatan Kajian Sistem Kuasa atau *Power System Study* (PSS);
- d. *ouput* bekalan elektrik yang dijana oleh penjana TBB perlu berbentuk *firm* bagi meningkatkan daya harap, kestabilan sistem dan meminimumkan gangguan kepada sistem pembekalan; dan
- e. opsyen akan diberikan kepada penjana TBB untuk tidak menghasilkan output yang berbentuk *firm* dengan kadar bayaran caj akses sistem (CAS) yang lebih tinggi.

Pelaksanaan akses grid terbuka melalui Program CRESS adalah langkah progresif menuju liberalisasi pasaran tenaga. Program ini dijangka mengurangkan risiko (*derisking*) dan kos sistem pembekalan elektrik negara serta memberikan peluang yang saksama kepada pemaju untuk bersaing secara sihat. Pendekatan ini juga akan menarik lebih ramai pemain industri TBB tempatan. Oleh itu, fokus pembangunan TBB masa depan akan beralih daripada kaedah *Power Purchase Agreement* (PPA) kepada program CRESS.

Pelaksanaan Program CRESS di bawah Inisiatif GREENS MADANI selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk meningkatkan kapasiti TBB daripada 26% (10.6GW) kini kepada 40% menjelang 2035 dan 70% menjelang 2050, bagi mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil. Program ini akan mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 701,000 tCO₂ setahun, di samping menjana pelaburan langsung melebihi RM10 bilion, dan mewujudkan hampir 14,000 peluang pekerjaan baharu dalam industri tenaga lestari.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

26 JULAI 2024